



Harga, Guna Tenaga dan Upah

Tinjauan Keseluruhan

Dengan keadaan ekonomi luar negara yang lemah, pengurusan ekonomi dalam tahun 2001 tertumpu kepada dasar untuk menangani kesan daripada perkembangan di luar negara serta melaksanakan langkah yang menyokong pertumbuhan untuk meningkatkan penggunaan dan pelaburan dalam negeri. Belanjawan yang mengembang dan dasar kewangan yang kekal akomodatif telah memberi rangsangan kepada permintaan dalam negeri. Salah satu faktor utama yang membolehkan Kerajaan melaksanakan dasar yang fleksibel ini ialah keadaan tekanan harga yang rendah. Negara telah menikmati keadaan inflasi yang rendah, semenjak 1999 dengan kadar purata di bawah 2%. Oleh itu, dasar rangsangan fiskal serta polisi kewangan yang fleksibel tidak mendatangkan tekanan inflasi yang baru.

Dari segi kedudukan guna tenaga, sungguhpun sektor luar yang lemah boleh menjejaskan permintaan buruh, khususnya dalam industri perkilangan berorientasikan eksport yang telah memberhentikan pekerja, namun pasaran buruh masih menggalakkan. Kadar pengangguran, walaupun meningkat, dijangka dapat dibendung sekitar 3.9%, dan dengan itu masih mengekalkan keadaan guna tenaga penuh. Tambahan pula, kekangan tenaga buruh yang berterusan dalam beberapa sektor ekonomi, menyebabkan tenaga buruh asing masih diperlukan dalam negara, sama ada pekerja mahir atau kurang mahir.

Indeks Harga Pengguna

Kelembapan ekonomi, jurang pengeluaran yang bertambah besar, sentimen pengguna yang lemah yang membawa kepada kemerosotan permintaan dalam negeri, dijangka akan memperlahankan peningkatan inflasi, serta membendung tekanan ke atas upah. Di samping itu, kestabilan yang wujud daripada kadar pertukaran tetap dan inflasi import yang rendah daripada rakan dagang utama negara telah dapat meredakan tekanan inflasi. Dengan perkembangan-perkembangan ini, inflasi dijangka kekal rendah pada tahun 2001.

Pada awal tahun ini, terdapat kebimbangan bahawa inflasi akan meningkat disebabkan oleh kesan lat sekali kenaikan harga dalam bulan Oktober 2000, terutamanya keluaran petroleum, tambang bas serta minuman dan tembakau. Berikutan dengan kenaikan harga ini, **Indeks Harga Pengguna (IHP)** meningkat 1.5% pada lapan bulan pertama tahun 2001. Kenaikan paras harga seterusnya terutama untuk pengangkutan dan perhubungan, sewa kasar, bahan api dan kuasa serta minuman dan tembakau, bagaimanapun, telah disederhanakan oleh peningkatan marginal harga makanan memandangkan makanan merupakan satu pertiga daripada wajaran IHP, seperti ditunjukkan dalam *Jadual 7.1*. Oleh itu, paras harga umum bagi tahun 2001 dijangka meningkat sederhana kepada 1.3% (2000 : 1.6%).

Mengikut komponen, kenaikan harga tertinggi sebanyak 4.7% dicatatkan bagi kumpulan

JADUAL 7.1
Indeks Harga Pengguna
(2000=100)

	Wajaran			Perubahan (%)	Perubahan (%) (Januari-Ogos)	
	Beza	1994	2000		2000	2001
Jumlah		100.0	100.0	1.6	1.4	1.5
Makanan	-1.1	34.9	33.8	1.9	2.1	0.6
Minuman dan tembakau	-0.5	3.6	3.1	2.8	2.6	4.7
Pakaian dan kasut	-0.2	3.6	3.4	-1.7	-1.8	-2.4
Sewa kasar, bahan api dan kuasa	+1.3	21.1	22.4	1.5	1.3	1.6
Perabot, hiasan dalaman dan peralatan dan pengendalian rumah	-0.3	5.6	5.3	0.0	0.1	0.1
Perbelanjaan rawatan perubatan dan kesihatan	-0.1	1.9	1.8	2.0	2.2	2.8
Pengangkutan dan perhubungan	+0.9	17.9	18.8	2.1	1.2	3.9
Perkhidmatan rekreasi, hiburan, pendidikan dan kebudayaan	+0.1	5.8	5.9	0.5	0.4	0.2
Pelbagai barang dan perkhidmatan	-0.1	5.6	5.5	0.9	1.2	0.6
Semenanjung Malaysia		100.0	100.0	1.7	1.6	1.6
Sabah		100.0	100.0	0.6	0.4	0.7
Sarawak		100.0	100.0	1.5	1.5	1.0

Sumber: Jabatan Perangkaan.

minuman dan tembakau, selaras dengan cukai jualan yang lebih tinggi yang diumumkan dalam Belanjawan 2001, diikuti dengan **pengangkutan dan perhubungan** (3.9%), yang disebabkan oleh kenaikan tambang bas dan keluaran petroleum. Kenaikan ketiga tertinggi ialah bagi **perbelanjaan rawatan perubatan dan kesihatan**, yang meningkat 2.8%, disebabkan oleh harga ubat-ubatan yang lebih tinggi. Di samping itu, harga bagi sewa kasar, bahan api dan kuasa meningkat sebanyak 1.6%. Kenaikan harga bagi komponen-komponen utama IHP ini menyumbang kepada 90.1% daripada jumlah keseluruhan kenaikan IHP bagi tempoh lapan bulan pertama 2001.


Kenaikan harga yang ketara bagi **sewa kasar, bahan api dan kuasa** disebabkan terutamanya

oleh kenaikan tarif air. Dalam bulan April 2001, tarif air bagi isirumah di Selangor dan Wilayah Persekutuan telah meningkat antara 20% hingga 60%, sementara bagi pengguna komersial dan industri meningkat antara 50% hingga 60%. Kenaikan ini adalah disebabkan kos rawatan air yang tinggi berikutan pelaburan besar untuk meningkat dan memodenkan loji rawatan air.

Harga **makanan** kekal stabil, meningkat sedikit 0.6% seperti ditunjukkan dalam *Jadual 7.2*. Hanya harga ikan mencatatkan kenaikan harga yang tinggi sebanyak 3.6% disebabkan kekangan bekalan. Pendaratan ikan laut dan import serta pengeluaran akuakultur telah merosot atau meningkat sedikit sahaja, manakala permintaan ikan sebaliknya terus meningkat.

CARTA 7.1

Indeks Harga Pengguna (2000 = 100) (kadar pertumbuhan suku tahunan)



Walaupun peningkatan dalam paras harga umum terkawal, masih terdapat tekanan harga yang timbul daripada kekurangan kitaran dan bermusim dan ianya tetap dipantau terutama kesannya terhadap kumpulan berpendapatan rendah. Dalam hal ini, Kerajaan memantau dengan rapi pergerakan harga beberapa jenis makanan keperluan semasa musim perayaan khususnya pada Hari Raya dan Tahun Baru Cina. Sementara import barangan pengguna telah melegakan kekurangan bekalan tempatan, Kerajaan terus mempertingkatkan langkah-langkah untuk menambah pengeluaran makanan, dengan tujuan untuk mengurangkan kebergantungan kepada import.

Import makanan kekal tinggi, berjumlah RM11,000 juta dalam tahun 2000. Dalam hal ini, insentif telah disediakan dalam Belanjawan 2001 bagi pengeluaran makanan tempatan dan juga perkhidmatan yang berkaitan dengan makanan. Pelaburan oleh syarikat dalam anak syarikat milik

penuhnya yang mengeluarkan bahan makanan, akan diberi potongan daripada pendapatan berkanunnya bersamaan dengan jumlah pelaburannya itu. Selain itu, syarikat-syarikat yang terlibat dengan pengeluaran makanan diberi pengecualian cukai pendapatan sepenuhnya selama 10 tahun bermula daripada tahun pertama syarikat mencatatkan keuntungan. Bagi meningkatkan kecekapan pengedaran bahan makanan, syarikat-syarikat yang menyediakan kemudahan dingin beku, diberikan taraf perintis bagi tempoh lima tahun atau Elaun Cukai Pelaburan sebanyak 60 peratus. Bagi memajukan lagi sektor pertanian, sejumlah RM2.4 bilion telah diperuntukkan. Daripada jumlah, sebanyak RM84 juta disediakan untuk membangunkan 18,400 hektar bagi Taman Kekal Pengeluaran Makanan yang merupakan usahasama antara Kerajaan Persekutuan dengan kerajaan-kerajaan negeri. Taman ini diwujudkan sebagai zon pengeluaran pertanian tetap untuk disewa kepada usahawan swasta dengan kadar yang rendah.

JADUAL 7.2

Indeks Harga Pengguna bagi Makanan (2000=100)

Wajaran	Perubahan (%)		Perubahan (%)	
	2000	2000	2001	
Jumlah Makanan	33.8	1.9	2.1	0.6
Makanan di rumah	24.1	1.7	1.8	0.3
Beras, roti dan bijirin lain	5.5	0.3	0.4	0.2
Daging	3.4	3.8	3.8	-0.6
Ikan	4.9	5.4	5.6	3.6
Susu dan telur	2.1	-1.4	-1.1	-0.9
Minyak dan lemak	0.8	-1.5	-0.8	-7.2
Buah-buahan dan sayur-sayuran	5.0	-0.7	-0.8	-0.8
Gula	0.5	-0.2	-0.3	0.1
Teh dan kopi	0.8	0.0	0.2	-0.1
Makanan lain	1.1	1.1	1.5	-0.1
Makanan di luar rumah	9.7	2.6	3.1	1.4

Sumber: Jabatan Perangkaan.

IHP diubahsuai dari semasa ke semasa bagi menggambarkan pola perbelanjaan semasa penduduk. Berdasarkan kepada kajian perbelanjaan isirumah yang dijalankan pada bulan Julai 1998 hingga Jun 1999, wajaran perbelanjaan baru telah dihasilkan dan telah diubahsuai kepada tahun asas 2000 daripada tahun asas 1994. Penemuan kajian berkenaan mendapati terdapat peralihan bagi pola penggunaan isirumah bagi lima tahun kebelakangan. Daripada jumlah perbelanjaan isirumah, wajaran bagi makanan menunjukkan pengurangan terbesar sebanyak 1.1 mata, diikuti dengan minuman dan tembakau, pakaian dan kasut, perabot, hiasan dalaman dan peralatan dan pengendalian rumah serta perbelanjaan rawatan perubatan dan kesihatan, seperti yang ditunjukkan dalam *Jadual 7.1*. Kenaikan ketara dalam wajaran, sebaliknya

adalah bagi sewa kasar, bahan api dan kuasa serta pengangkutan dan perhubungan, menggambarkan harga-harga yang lebih tinggi bagi minyak dan juga kos pengangkutan. Wajaran tersebut meningkat daripada 21.1% dan 17.9% kepada 22.4% dan 18.8%. Di samping itu, wajaran bagi perkhidmatan rekreasi, hiburan, pendidikan dan kebudayaan turut meningkat sebanyak 0.1%, mencerminkan peningkatan kepentingan dalam konteks taraf hidup yang lebih tinggi dan kualiti hidup yang lebih baik.

Pergerakan harga membawa kesan yang berbeza kepada kumpulan berpendapatan rendah kerana pola penggunaan yang berlainan. IHP bagi kedua-dua kumpulan berpendapatan **di bawah RM1,000** dan **di bawah RM1,500** meningkat pada kadar yang lebih kecil pada kadar 1.2% berbanding

JADUAL 7.3

Indeks Harga Pengguna Mengikut Kawasan
(2000=100)
(Januari-Ogos)

	Semenanjung Malaysia			Sabah			Sarawak		
	Wajaran	Perubahan (%)		Wajaran	Perubahan (%)		Wajaran	Perubahan (%)	
		2000	2001		2000	2001		2000	2001
Jumlah	100.0	1.6	1.6	100.0	0.4	0.7	100.0	1.5	1.0
Makanan	33.8	2.3	0.7	34.8	0.8	-0.3	32.5	2.5	0.6
Minuman dan tembakau	3.2	2.8	4.9	2.7	1.9	3.4	3.1	2.3	3.8
Pakaian dan kasut	3.3	-1.6	-2.3	3.7	-1.4	-4.1	3.9	-2.4	-2.5
Sewa kasar, bahan api dan kuasa	22.2	1.6	1.9	27.6	-0.9	-0.1	19.1	0.5	0.6
Perabot, hiasan dalaman dan peralatan dan pengendalian rumah	5.3	0.2	0.0	5.0	-0.7	1.2	5.2	-0.3	-0.3
Perbelanjaan rawatan perubatan dan kesihatan	1.9	2.3	3.1	1.8	0.9	1.3	1.6	1.3	1.1
Pengangkutan dan perhubungan	19.1	1.0	4.0	14.0	1.8	5.8	21.0	2.6	2.6
Perkhidmatan rekreasi, hiburan, pendidikan dan kebudayaan	5.7	0.4	0.1	5.4	-0.1	1.3	7.7	1.2	0.3
Pelbagai barang dan perkhidmatan	5.5	1.2	0.8	5.0	1.2	0.2	5.9	0.7	-0.3

Sumber: Jabatan Perangkaan.

dengan IHP keseluruhan 1.5%. Perbezaan ini adalah kerana terutamanya impak yang lebih besar daripada kenaikan marginal harga makanan ke atas kumpulan berpendapatan rendah memandangkan perbelanjaan untuk makanan adalah ketara tinggi seperti yang ditunjukkan oleh wajaran yang besar iaitu 44.2% dan 42% berbanding dengan wajaran purata negara 33.8%.


Pergerakan harga mengikut **kawasan** bagi tempoh lapan bulan pertama tahun 2001 berbeza dengan ketara, seperti yang ditunjukkan dalam *Jadual 7.3*. IHP bagi **Semenanjung Malaysia** meningkat 1.6% lebih tinggi daripada purata negara, sementara di **Sabah** dan **Sarawak**, peningkatannya lebih rendah iaitu 0.7% dan 1%. Terdapat perbezaan antara kawasan yang ketara dalam wajaran bagi beberapa komponen dalam IHP, terutamanya makanan, sewa kasar, bahan api dan kuasa serta pengangkutan dan perhubungan. Kadar sewa di Sabah mula turun sejak tahun 2000, dan oleh itu mencatatkan pertumbuhan negatif 0.1% dalam sewa kasar, bahan api dan kuasa. Di Sarawak, kenaikan tambang bas baru-baru ini tidak memberi kesan

yang besar kepada IHP memandangkan pengangkutan air adalah lebih penting.

Mengikut klasifikasi kawasan luar bandar dan bandar, IHP bagi **kawasan bandar** meningkat 1.5% dalam tempoh lapan bulan pertama 2001, sementara **kawasan luar bandar** meningkat 1.4%. Harga makanan bagi kawasan-kawasan bandar meningkat 0.8%, tinggi sedikit daripada 0.2% yang dicatatkan di kawasan luar bandar, sementara sewa kasar, bahan api dan kuasa serta pengangkutan dan perhubungan bagi kedua-dua kawasan meningkat sebanyak 1.7%, 4% (kawasan bandar) dan 1.6%, 4.2% (kawasan luar bandar).

Tekanan harga pada penghujung tahun dijangka akan terus rendah selari dengan kelemahan ekonomi tempatan dan antarabangsa. Tambahan pula, keadaan guna tenaga yang kurang memuaskan serta kelemahan sentimen pengguna akan mengurangkan tekanan inflasi. Kestabilan kadar pertukaran bersandar akan terus melegakan tekanan ke atas harga. Oleh itu, untuk keseluruhan tahun 2001, inflasi dijangka berada pada kadar yang lebih rendah pada 1.3%.

CARTA 7.2
Indeks Harga Pengguna dan Indeks Harga Pengeluar
(kadar pertumbuhan bulanan)




Sumber: Jabatan Perangkaan.

Indeks Harga Pengeluar

Harga pengeluar, seperti yang ditunjukkan oleh **Indeks Harga Pengeluar (IHPG)**, telah merosot sejak suku tahun keempat tahun 2000. IHPG untuk **pengeluaran tempatan** yang menyumbangkan 79.3% kepada wajaran keseluruhan IHPG telah merosot 5.4% bagi lapan bulan pertama 2001, sementara IHPG untuk pengeluaran berasaskan **import**, merosot 0.1%. Penurunan dalam IHPG disebabkan oleh kejatuhan harga komoditi utama seperti minyak sawit mentah, getah dan minyak mentah. Harga minyak sawit merosot daripada RM1,015 setan dalam bulan Julai 2000 kepada harga terendah RM695 setan dalam bulan Februari 2001. Bagaimanapun, menjelang Ogos, berikutan langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan untuk mengatasi kejatuhan harga dan mengurangkan stok, harga telah pulih kepada RM1,215 setan. Kenaikan harga walau bagaimanapun tidak dapat bertahan lama apabila pada bulan berikutnya ia

CARTA 7.3
Indeks Harga Pengeluar (1989 = 100)
(kadar pertumbuhan suku tahunan)



JADUAL 7.4

Indeks Harga Pengeluar (1989=100)

Wajaran	Perubahan (%)		Perubahan (%)	
	2000	2000	2001	
Ekonomi tempatan	100.0	3.1	4.8	-4.4
Makanan dan haiwan hidup yang boleh dimakan	14.9	0.4	0.1	0.6
Minuman-minuman dan tembakau	2.1	0.4	0.5	1.6
Bahan mentah tak boleh dimakan kecuali bahan api	18.0	1.3	3.7	-6.3
Minyak galian, pelincir dan bahan yang berhubungan	18.8	33.9	41.8	-3.6
Minyak dan lemak haiwan dan sayur-sayuran	8.5	-31.9	-28.2	-28.6
Kimia dan keluaran kimia t.t.t.l	4.4	1.0	1.3	-0.7
Barang perkilangan dijeniskan mengikut bahan	10.8	0.9	1.0	-0.3
Alat jentera dan kelengkapan pengangkutan	18.3	-0.1	0.3	-0.2
Pelbagai barang keluaran kilang	3.6	0.9	0.9	-0.2
Pelbagai perniagaan dan barangan yang tidak dikelaskan secara khusus dalam 's.i.t.c.'	0.6	0.4	0.1	9.5
Pengeluaran tempatan	79.3	3.6	5.7	-5.4
Import	20.7	1.1	1.1	-0.1

*t.t.t.l - tidak tersenarai di tempat lain.
s.i.t.c - standard international trade classification.

Sumber: Jabatan Perangkaan.

telah merosot kepada RM998 setan. Harga getah telah mula merosot dalam bulan Disember 2000 daripada RM252.78 sekilogram kepada RM227.03 sekilogram dalam bulan Ogos 2001. Harga minyak mentah sebaliknya merosot daripada RM32.65 setong dalam bulan November 2000 kepada RM25.67 setong dalam bulan Ogos 2001. Pergerakan terperinci IHPG ditunjukkan dalam *Jadual 7.4*.

Kenaikan harga telah dicatatkan bagi beberapa kumpulan kecil import bagi makanan dan haiwan hidup, minuman dan ternakan begitu juga pelbagai perniagaan dan barangan yang tidak dikelaskan antara 0.6% hingga 9.5%. Kenaikan ini bagaimanapun telah disederhanakan oleh penurunan dalam beberapa kumpulan lain terutamanya harga minyak dan lemak haiwan sebanyak 28.6%.

Guna Tenaga dan Upah

Prospek guna tenaga bagi keseluruhan tahun 2001 dijangka lebih lemah sejajar dengan kelembapan ekonomi dunia yang akan terus memberi kesan negatif kepada sektor perkilangan, terutamanya industri yang berorientasikan eksport. Bagaimanapun, dengan peningkatan kecil dalam tenaga buruh sebanyak 2.4% (2000:4.3%), kadar pengangguran dijangka dapat dibendung pada 3.9% daripada jumlah tenaga buruh, seperti yang ditunjukkan di *Jadual 7.5*. Dengan itu ekonomi terus berada dalam guna tenaga penuh.

JADUAL 7.5

Petunjuk Pasaran Buruh


	('000)			Perubahan (%)	
	1999	2000	2001 ¹	2000	2001 ¹
Tenaga buruh	9,178	9,573	9,801	4.3	2.4
Guna tenaga	8,862	9,271	9,411	4.6	1.5
Kadar pengangguran	316	302	390	3.1 ^a	3.9 ^a

^a Kepada tenaga buruh.

¹ Anggaran.

Sumber: Unit Perancang Ekonomi.

Berdasarkan prospek yang lemah bagi jangkaan bahawa industri berorientasikan eksport, peluang pekerjaan dijangka akan dijana oleh pengembangan dalam sektor berorientasikan dalam negeri. Oleh yang demikian, guna tenaga dalam tahun 2001 dijangka meningkat 1.5% (2000: 4.6%), sebahagian besarnya daripada sektor perkhidmatan terutamanya dalam sektor kewangan, insurans, hartanah dan perkhidmatan perniagaan (3.6%), sektor perdagangan borong, runcit, hotel dan restoran (2.7%) serta pengangkutan, penyimpanan dan perhubungan (2.2%), seperti yang ditunjukkan dalam *Jadual 7.6*. Sebaliknya, guna tenaga dalam sektor pertanian, perhutanan dan perikanan dijangka merosot sedikit 0.7%. Sektor perkilangan meningkat sedikit 0.5%, begitu juga sektor perlombongan 0.6%. Pertumbuhan guna tenaga keseluruhannya adalah rendah kerana sektor perkilangan, yang biasanya merupakan penyumbang terbesar bagi peluang pekerjaan,



JADUAL 7.6

Guna Tenaga Mengikut Sektor

	('000)		Bahagian (%)		Perubahan (%)	
	2000	2001	2000	2001	2000	2001
Pertanian, perhutanan dan perikanan	1,407.5	1,397.1	15.2	14.8	-0.8	-0.7
Perlombongan	41.2	41.4	0.4	0.4	-1.2	0.5
Perkilangan	2,558.3	2,574.2	27.6	27.4	9.2	0.6
Pembinaan	755	769.3	8.1	8.2	0.8	1.9
Elektrik, gas dan air	75	76.9	0.8	0.8	3.6	2.5
Perdagangan borong dan runcit, hotel dan restoran	1,584.2	1,627.4	17.1	17.4	4.5	2.7
Kewangan, insurans, hartanah dan perkhidmatan perniagaan	508.7	527.1	5.5	5.7	7.3	3.6
Pengangkutan, penyimpanan dan perhubungan	461.6	471.9	5.0	5.1	4.6	2.2
Perkhidmatan Kerajaan	981	998.6	10.6	10.6	2.1	1.8
Perkhidmatan lain	898.7	927.2	9.7	9.6	6.4	3.2
Sektor pertama	1,448.7	1,438.5	15.6	15.3	-0.8	0.7
Sektor kedua	3,313.3	3,343.5	35.7	35.5	7.2	0.9
Sektor ketiga	4,509.2	4,629.1	48.7	49.2	4.6	2.7
Jumlah	9,271.2	9,411.1	100.0	100.0	4.6	1.5

¹ Anggaran.

Sumber: Unit Perancang Ekonomi.

hanya mencatatkan peningkatan yang marginal. Beberapa industri terutamanya industri elektronik yang menyumbang 68.5% kepada eksport Malaysia telah mengecilkan operasi mereka untuk menghadapi kemerosotan permintaan dalam keluaran dan komponen elektronik.

Guna tenaga dalam sektor pertanian, perhutanan dan perikanan dijangka merosot berikutan daripada harga getah yang terus rendah dan kesan daripada amalan serta dasar perhutanan kekal oleh industri serta kekurangan kawasan

pembalakan baru. Pengurangan dalam pendaratan ikan juga telah mengekang peluang-peluang pekerjaan dalam sektor ini.

Mengikut kumpulan pekerjaan, seperti yang ditunjukkan dalam *Jadual 7.7*, jumlah pekerja dalam semua kategori dijangka meningkat tetapi pada kadar yang rendah sejajar dengan peningkatan sederhana dalam keseluruhan guna tenaga. Peningkatan paling besar adalah dalam kategori pengurusan dan pentadbiran sebanyak 4.1% (2000: 4.6%). Jumlah pekerja dalam kategori

JADUAL 7.7

Guna Tenaga Mengikut Kumpulan Pekerjaan Utama

	('000)		Perubahan (%)	
	2000	2001 ¹	2000	2001 ¹
Pekerja profesional teknikal & berkaitan	982.7	1,007.0	4.6	2.5
Pekerja pentadbiran & pengurusan	361.6	376.4	4.6	4.1
Pekerja perkeranian & berkaitan	982.7	988.2	-1.0	0.6
Pekerja jualan	1,047.6	1,072.9	5.5	2.4
Pekerja perkhidmatan	1,140.4	1,167.0	8.1	2.3
Pekerja pengeluaran & berkaitan, operator dan buruh peralatan pengangkutan	3,059.5	3,068.0	5.6	0.3
Pekerja pertanian, penternakan haiwan & nelayan & pemburu	1,696.6	1,731.6	3.5	2.1
Jumlah	9,271.2	9,411.1	4.6	1.5

¹ Anggaran.

Sumber: Unit Perancang Ekonomi.

ini bagaimanapun, adalah kecil iaitu hanya 4% daripada jumlah guna tenaga. Bagi kebanyakan kategori guna tenaga mengikut kumpulan pekerjaan, guna tenaga meningkat antara 2.1% dan 2.5%, iaitu sangat berkurangan berbanding dengan kadar pertumbuhan dalam 2000. Kadar peningkatan dalam pekerja profesional, teknikal dan berkaitan, pekerja jualan, pekerja perkhidmatan serta pekerja pertanian, penternakan haiwan dan nelayan dan pemburu dijangka meningkat sederhana antara 2.1% hingga 2.5%. Bagi kategori pekerja pengeluaran dan berkaitan, operator dan buruh peralatan pengangkutan yang merupakan penyumbang guna tenaga terbesar sebanyak 32.6%

peningkatan hanya sedikit 0.3% berbanding dengan 5.6% dalam 2000. Sebaliknya, guna tenaga dalam kumpulan perkeranian dan berkaitan telah berubah daripada mencatatkan kemerosotan sebanyak 1% kepada 0.6%.

Pasaran Buruh

Keadaan pasaran buruh lemah dalam tujuh bulan pertama tahun 2001 apabila banyak industri mengambil langkah untuk mengatasi kesan kelembapan ekonomi global. Berikutan itu, jumlah **pekerja yang diberhentikan** meningkat 37% kepada 20,038. (Januari-Julai 2000: -40%; 14,617) dengan 85.7% terdiri daripada pekerja tempatan sementara selebihnya iaitu 14.3% pekerja asing. Sebilangan besar adalah dalam sektor perkilangan iaitu 69.4%, terutamanya, dalam sektor kecil elektronik dan elektrik. Pemberhentian pekerja di sektor kewangan, insurans, hartanah dan perkhidmatan perniagaan melibatkan seramai 1,641, manakala bagi sektor perdagangan borong dan runcit, hotel dan restoran seramai 1,472 pekerja telah diberhentikan. Sektor perkhidmatan sosial mencatatkan pemberhentian seramai 1,179 pekerja. Pulau Pinang yang merupakan pusat utama bagi industri elektrik Malaysia, mencatatkan pemberhentian tertinggi iaitu 5,102 pekerja, terutamanya di kalangan pengeluar cakra keras. Pemberhentian pekerja di Selangor dan Johor juga tinggi dengan 4,200 dan 3,695 pekerja. Jumlah majikan yang terlibat dalam pemberhentian pekerja meningkat sebanyak 40.2% kepada 732 (2000: 522).

Meskipun terdapat pemberhentian pekerja yang tinggi dan lebih ramai yang menyertai tenaga buruh, **pendaftar aktif** merosot 6.3% kepada 34,072 pekerja sehingga akhir Julai 2001 (Akhir Julai 2000: -2.5%; 36,380). Kemerosotan ini kebanyakannya di kalangan pekerja pengurusan dan pentadbiran (40%) serta pengeluaran dan kerja-kerja yang berkaitan (14%). Pendaftar aktif di tujuh buah negeri meningkat antara 0.4% bagi Sarawak hingga 172% bagi Melaka. Pendaftar aktif di negeri ini merupakan separuh daripada jumlah pendaftar keseluruhan. Pendaftar aktif di tujuh buah negeri yang lain mencatatkan kemerosotan antara 1.9% bagi Perlis hingga 43.8% bagi Pahang. Jumlah pendaftar aktif bagi Wilayah Persekutuan merosot 32.7%. Ini

menyebabkan kemerosotan bilangan keseluruhan pendaftar aktif memandangkan sebahagian besar pendaftar aktif (15%) terdapat di Wilayah Persekutuan.

Sungguhpun keadaan pasaran buruh yang kian lemah, **kekosongan jawatan** meningkat sedikit 0.9% kepada 70,394 pada akhir Julai 2001 (akhir Julai 2000; 69,769), seperti yang ditunjukkan dalam *Jadual 7.8*. Walau pun ketidakpadanan kemahiran merupakan satu faktor yang menyebabkan terdapatnya kekosongan terutama pada peringkat pekerjaan berkelulusan tinggi, tak mobiliti buruh terutamanya antara wilayah, adalah faktor utama yang menyebabkan jumlah kekosongan meningkat. Contohnya, Sarawak

mencatatkan kekosongan yang terbesar sebanyak 45,787 atau 65% daripada jumlah kekosongan, diikuti dengan Selangor (5.9%) dan Johor (5.8%). Bagi kumpulan pekerjaan, bilangan kekosongan terbesar adalah dalam pengeluaran dan pekerjaan yang berkaitan, pengangkutan, buruh dan operator peralatan, berjumlah 44,808 pekerjaan atau 63.6% daripada keseluruhan.

Pembangunan Sumber Manusia

Memandangkan kepada pemberhentian pekerja yang meningkat, usaha telah diambil untuk menambahkan peluang latihan semula pekerja melalui penggunaan lebih meluas Tabung

JADUAL 7.8

Perbandingan Antara Pendaftar Aktif dan Kekosongan Jawatan Baru Mengikut Negeri


	Pendaftar-pendaftar Aktif ¹			Kekosongan Jawatan-jawatan Baru		
	Julai 2000	Julai 2001	Perubahan (%)	Sehingga Julai 2000	Sehingga Julai 2001	Perubahan (%)
Johor	2,683	3,548	32.2	5,110	4,098	-19.8
Kedah	2,998	1,985	-33.8	1,565	1,006	-35.7
Kelantan	1,493	1,393	-6.7	2,496	1,887	-24.4
Melaka	508	1,382	172.0	554	1,064	92.0
Negeri Sembilan	1,740	2,007	15.3	1,803	1,030	-42.8
Pahang	3,000	1,686	-43.8	1,752	1,665	-4.9
Perak	1,898	2,734	44.0	1,955	1,644	-15.9
Perlis	710	696	-1.9	131	243	85.5
Pulau Pinang	1,322	1,492	12.9	5,423	2,639	-51.3
Sabah	4,466	3,844	-13.9	1,989	1,330	-33.1
Sarawak	3,111	3,123	0.4	37,287	45,787	22.8
Selangor	2,169	2,545	17.3	4,915	4,140	-15.7
Terengganu	2,912	2,677	-8.1	2,749	1,664	-39.5
Wilayah Persekutuan	7,370	4,960	-32.7	2,040	2,197	7.7
Jumlah	36,380	34,072	-6.3	69,769	70,394	0.9

¹ Angka terkumpul.

Sumber: Kementerian Sumber Manusia.

CARTA 7.5

Kekosongan dan Pemberhentian (Januari - Julai)



Sumber: Kementerian Sumber Manusia.

Pembangunan Sumber Manusia. Pada masa yang sama, untuk mengeluarkan tenaga buruh terlatih untuk jangka masa panjang terus diberi keutamaan selaras dengan permintaan ekonomi baru, untuk tujuan meningkatkan daya saing negara. Untuk tujuan ini, Kerajaan telah menyediakan peruntukan tambahan bagi pembangunan sumber manusia untuk mengurangkan jurang antara pengetahuan dan kemahiran. Peruntukan pendidikan dan latihan kekal di paras yang tinggi sebanyak 25.4% daripada jumlah perbelanjaan dalam 2001. Langkah mempromosikan celik komputer dikalangan pelajar dan pekerja turut diperkenalkan melalui pembinaan 4,400 makmal komputer di sekolah-sekolah. Daripada jumlah ini, 50 makmal komputer telah siap, manakala 1,354 berada dalam berbagai peringkat pembinaan dan selebihnya berada dalam peringkat perancangan. Untuk mempercepatkan kemudahan penggunaan komputer sejajar dengan dasar satu komputer

satu keluarga, pindaan kepada Akta Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) telah dibuat bagi membolehkan pengeluaran untuk tujuan membeli komputer. Sehingga akhir Ogos, KWSP telah meluluskan 467,832 permohonan berjumlah RM1,555 juta.

Bagi melengkapkan usaha untuk meningkatkan pembangunan kemahiran melalui latihan, latihan semula dan perantisan, usaha telah dipertingkatkan untuk mengumpul tenaga kerja berkepakaran dan berkemahiran tinggi daripada luar negara supaya negara mempunyai tenaga kerja bertaraf dunia. Dalam Belanjawan 2001, Kerajaan telah memperkenalkan insentif-insentif untuk menggalakkan rakyat Malaysia yang terlatih yang bekerja di luar negara untuk pulang ke Malaysia. Antara insentif yang disediakan ialah pengecualian daripada cukai pendapatan yang dibawa balik dalam tempoh dua tahun daripada tarikh tiba di Malaysia. Disamping itu, bagi suami/ isteri serta anak-anak kepada rakyat Malaysia diberi taraf pemastautin tetap dalam tempoh 6 bulan daripada tarikh tiba di Malaysia. Sehingga pertengahan September 2001, sejumlah 122 daripada 356 permohonan daripada profesional telah diluluskan yang merangkumi pakar-pakar dalam bidang kewangan dan perakaunan, industri, teknologi maklumat, perubatan, sains dan teknologi. Terdapat sebahagian besar *K-workers* bekerja di kawasan Koridor Raya Multimedia (MSC) di mana daripada 11,911 orang, 9,842 atau 82.6% merupakan *K-workers* pada 2000. Jumlah ini dijangka meningkat kepada 14,438 dalam 2001 di mana 12,169 adalah *K-workers*.

Selaras dengan usaha untuk meningkatkan bilangan pekerja-pekerja mahir terutamanya dalam bidang ICT sesuai dengan strategi peralihan kepada ekonomi berasaskan pengetahuan, Kerajaan telah berusaha untuk menaikkan taraf institusi-institusi latihan yang sedia ada dan juga mengadakan lima institusi baru. Melalui program ini, keupayaan institusi latihan akan ditambah daripada 4,000 kepada 17,000 setahun. Pada peringkat pendidikan tinggi, jumlah pelajar akan keluar daripada universiti-universiti dijangka meningkat 15.5% (2000; 59,584 pelajar).

Bagi tujuan memudah dan meningkatkan capaian latihan kemahiran, Kerajaan telah menubuhkan Tabung Pembangunan Kemahiran (TPK) dalam tahun 2001 bagi menyediakan pinjaman mudah kepada pelatih-pelatih teknikal dan vokasional termasuk kursus ICT di institusi-institusi awam dan swasta yang diiktiraf oleh Majlis Lembaga Vokasional Kebangsaan (MLVK). Sejumlah RM140 juta diperuntukkan dalam tahun 2001. Di samping itu, Tabung Pembangunan Sumber Manusia (HRDF) juga menyediakan pinjaman bagi meningkatkan kemahiran dan juga melatih semula pekerja-pekerja yang ada. Sehingga akhir Jun 2001, sejumlah 203,952 pekerja mendapat faedah daripada tabung ini. Untuk mengurangkan kesan kelembapan ekonomi, majikan boleh menyediakan latihan kepada pekerja mereka tanpa membayar yuran latihan semula.

Bagi memperbaiki maklumat pasaran buruh, projek aplikasi mercu tanda Kerajaan di bawah MSC iaitu Bursa Buruh Elektronik (ELX) dijangka akan mula beroperasi awal tahun 2002. Projek

ini dibentuk bagi memadankan pencari-pencari kerja dengan kekosongan merentasi sempadan geografi dan seterusnya mengoptimumkan penggunaan sumber tenaga manusia negara.

Upah

Dalam keadaan keupayaan berlebihan yang masih wujud dalam ekonomi, tekanan upah dijangka terus terkawal. Bagi enam bulan pertama tahun 2001, 200 perjanjian upah kolektif ditandatangani, merangkumi 57,047 pekerja (2000: 107;16,381). Upah purata dalam sektor perkilangan meningkat 7.7% dan pertanian 8.3%, seperti yang ditunjukkan dalam *Jadual 7.9*. Dalam sektor perladangan, Kerajaan telah bersetuju mengenai upah minimum bulanan sekurang-kurangnya RM325 bagi pekerja-pekerja ladang minyak sawit bermula pada 1 Januari 2001.

Upah purata setiap pekerja dalam sektor perkilangan terus meningkat kepada RM1,455.

JADUAL 7.9

Perjanjian Upah Sektor Swasta

	Bil. Perjanjian Upah		Bil. Pekerja Terlibat		Peningkatan Upah Purata (%)	
	2000	2001 ¹	2000	2001 ¹	2000	2001 ¹
Perkilangan	215	116	43,439	38,553	8	7.7
Perdagangan	35	38	3,101	6,907	8	7.8
Pengangkutan	24	24	5,772	9,517	8	8.5
Perkhidmatan	16	8	3,249	646	7	8.5
Pertanian	14	7	2,517	558	11	8.3
Perlombongan	5	1	402	305	9	6
Pembinaan	2	1	-	116	13	7.0
Elektrik	0	0	0	0	0	0
Lain-lain	13	5	1,670	445	8	7.7
Jumlah	324	200	66,150	57,047	8	6.8

¹ Januari-Jun.

Sumber: Kementerian Sumber Manusia.

Sebaliknya, upah purata benar setiap pekerja meningkat sedikit 0.9% (Januari-Julai 2000: 4.4%), selepas mengambil kira perubahan harga dalam industri. Dengan upah purata benar terus meningkat manakala produktiviti buruh merosot, kos buruh seunit daripada output meningkat sebanyak 7.6% (Januari-Julai 2000: -11.7%). Ini ditunjukkan oleh peningkatan dalam unit kos buruh dalam industri elektrik, elektronik dan jentera, industri berasaskan kayu serta industri tekstil dan kimia.

Pertikaian Industri


Jumlah mogok dalam tempoh tujuh bulan pertama tahun 2001 masih terkawal dengan 10 kes berbanding lapan kes dalam tempoh yang sama tahun 2000. Jumlah pekerja terlibat, bagaimanapun telah berkurangan kepada 1,342 pekerja (2000: 2,580). Daripada jumlah tersebut, enam kes dicatatkan dalam sektor perkilangan, melibatkan 979 pekerja (2000: 3,770) dan dua kes dalam sektor pertanian yang melibatkan 128 pekerja (2000: 2,104). Mogok ini telah mengakibatkan kehilangan sejumlah 3,371 hari kerja. Jumlah ini bagaimanapun adalah lebih rendah daripada 5,073 jumlah kehilangan hari kerja berbanding tempoh yang sama tahun lepas. Mogok tersebut berlaku disebabkan terutamanya oleh perselisihan dan rasa tidak puas hati mengenai terma dan syarat-syarat pekerjaan, pembuangan kerja dan pemberhentian kerja.

Buruh Asing

Menyedari bahawa bilangan buruh asing semakin meningkat, Kerajaan mengekalkan dasar untuk mengurangkan pergantungan terhadap buruh asing, terutamanya buruh tidak mahir. Bagaimanapun, kekurangan pekerja **tidak mahir** yang masih dialami dalam kedua-dua sektor pertama dan kedua, telah menyebabkan Kerajaan membenarkan pengambilan pekerja-pekerja asing. Bagaimanapun, tempoh permit kerja telah dikurangkan daripada maksimum tujuh tahun

kepada tiga tahun. Memandangkan sektor pertanian, pembinaan dan perkilangan masih mengalami kekurangan tenaga buruh, Kerajaan telah meluluskan pengambilan seramai 93,025 buruh asing baru dalam 2001 bagi memastikan perkembangan perniagaan tidak terjejas disebabkan kekurangan tenaga buruh. Jumlah kelulusan bagaimanapun, adalah 22.8% lebih rendah berbanding dengan tahun lepas (2000: 120,502). Sehingga akhir Jun 2001, jumlah buruh asing berdaftar meningkat 10.6% kepada 810,695 pekerja (2000: 732,588) dengan 38.5% atau 311,785 pekerja (2000: 271,892) di sektor perkilangan. Begitu juga, buruh asing yang bekerja di sektor pertanian meningkat 16.4% kepada 204,814 (2000: 175,834), sementara sektor pembinaan meningkat 3.7% kepada 68,355 (2000: 65,891). Indonesia mencatatkan jumlah

CARTA 7.6
Pekerja Asing Mengikut Negara Asal
(Januari-Jun)



Sumber: Kementerian Dalam Negeri.

terbesar dengan 598,900 pekerja, diikuti dengan Bangladesh (147,637), Filipina (15,323), Thailand (6,538) dan 42,297 pekerja dari negara-negara lain.

Daripada jumlah pekerja asing yang diambil bekerja hanya 12,705 pekerja asing yang berdaftar dalam enam bulan pertama tahun 2001 adalah

pekerja mahir. India mencatatkan bilangan terbesar pekerja mahir yang diluluskan dengan 2,489 pekerja atau 19.5%, diikuti oleh Jepun (1,537 atau 12.4%) dan China (1,007 atau 8.1%). Berdasarkan kepada kumpulan pekerjaan, pekerja asing yang bekerja sebagai pengarah merupakan jumlah terbesar (1,269) diikuti dengan pengurus (1,237) dan jurutera (967).